

23 NOV 2000

Parlimen-E-village

E-VILLAGE TIDAK AKAN JADI PENYEBAB GEJALA SOSIAL

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Kewujudan E-village iaitu perkampungan seni pintar bagi pembangunan media dan kandungan yang bertaraf antarabangsa tidak akan menjadi penyebab kepada gejala sosial di kalangan belia negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Chia Kwang Chye, berkata ini kerana tujuan utama penubuhan E-village adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan mengembang dunia hiburan melalui kecanggihan teknologi maklumat (IT) dan multimedia.

"Ini merupakan satu projek multimedia dan K-ekonomi dalam memajukan industri hiburan dan golongan belia dilatih menggunakan IT bagi meningkatkan kepakaran mereka dalam bidang ini," kata Chia semasa menjawab soalan tambahan Muhyidin Abdul Rashid (PAS-Hulu Terengganu) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Kepada soalan asal M. Shukrimun Shamsudin (Pas-Kuala Nerus), Chia berkata akademi filem di E-village akan dapat mengasah bakat-bakat kreatif golongan muda Malaysia untuk mencipta dan menghasilkan animasi digital dan kesan khas setanding pakar luar negara dalam industri perfileman.

Beliau berkata dengan kemudahan teknologi multimedia itu, mereka juga dilatih untuk menghasilkan skrip yang lebih berkualiti dan boleh diketengahkan dan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Chia berkata selain itu, golongan muda juga mendapat pendedahan yang lebih luas mengenai industri perfileman yang menjuruskan kepada sistem digital maklumat.

Katanya peluang itu pasti akan digunakan sebaik mungkin oleh golongan muda bagi melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran multimedia yang akan meningkatkan industri seni tempatan.

Kepada soalan tambahan Hoo Seng Chang (BN-Kluang), Chia berkata pembinaan E-village melibatkan tanah seluas 2,000 ekar di Dengkil dan fasa pertama yang dikenali sebagai "Studio Precint" yang berharga RM100 juta telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Sept. lepas.

Studio Precint itu di tapak seluas 187.65 ekar akan dibangunkan antara lain dengan lapan studio produksi, sebuah studio maya, akademi filem dan kawasan pasca produksi.

-- BERNAMA

SSA MNY NAK